

# 12 pasukan bola sepak berentap rebut Piala Liga Sri Gading

**BATU PAHAT** - Parlimen Sri Gading buat pertama kali menganjurkan pertandingan bola sepak bagi mencungkil bakat-bakat baharu dalam sukan tersebut.

Presiden Kelab Bola Sepak Gading Rajawali, Md Abas Abd Aziz berkata, sebanyak 12 pasukan dari enam zon iaitu Tongkang Pechah, Parit Yaani, Bandar, Sri Gading, Parit Raja dan Parit Botak akan berentap merebut Piala Liga Sri Gading.

"Pada pertandingan ini kita menggunakan format 11 sebelah dan menggunakan kiraan masa 45 minit untuk separuh masa. Kita aplikasikan format yang digunakan Persatuan Bola Sepak Negeri Johor (PBNJ).

"Perlawaan bermula semalam (Sabtu) dan akan berakhir Januari tahun depan. Perlawaan diadakan di padang Kolej Vokasional Batu Pahat (KVBP) dan Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn, manakala *final* di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)," katanya pertandingan dirasmikan Ahli Parlimen Sri Gading, Datuk Ab Aziz Kaprawi.

Md Abas berkata, pihak penganjur juga akan membuat siaran langsung setiap perlawaan.

"Johan akan menerima piala pusingan, hadiah iringan dan wang tunai RM5,000. Manakala naib juara menerima RM3,000 dan RM2,000 untuk tempat ketiga," katanya.



Antara pasukan yang bertanding dalam Piala Liga Sri Gading.